

24 OCT 2003

MASYARAKAT PENIAGA INDIA YAKIN USAHA BOIKOT MALAYSIA TIDAK BERJAYA

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Masyarakat peniaga India Malaysia yakin langkah kumpulan lobi Yahudi di Amerika untuk memboikot pelaburan di Malaysia tidak akan berjaya.

Presiden Pertubuhan Dewan Perniagaan dan Industri India Malaysia (MAICCI) Datuk K. Kenneth Eswaran berkata pasaran yang luas dan persahabatan erat yang terjalin di antara Malaysia dengan negara-negara di Asia, Afrika, Eropah, Amerika dan negara Islam tidak mungkin akan menjejaskan ekonomi Malaysia.

"Kita yakin dengan pasaran yang luas dan persahabatan yang baik dengan negara lain, tidak mungkin usaha pemboikotan itu akan berjaya," katanya kepada para pemberita ketika ditemui di rumah terbuka Deepavali anjuran MAICCI di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia sentiasa mempunyai jalan untuk keluar daripada kemelut dan krisis ekonomi.

Seruan pemboikotan pelaburan dan pelancongan di Malaysia oleh kumpulan lobi Yahudi di Amerika Syarikat itu dibuat kerana golongan itu menyalah tafsir ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap anti-Yahudi semasa perasmian Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lepas.

Antara yang hadir di rumah terbuka itu ialah Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

-- BERNAMA

AY JM RHM